



## KENYATAAN MEDIA

### PERKESO LANCAR BULAN PEMUTIHAN PADA MEI

### SEBELUM OPS KESAN KEBANGSAAN 2023 BERMULA PADA JULAI 2023

1. Prihatin akan kesejahteraan golongan pekerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan melaksanakan **OPS KESAN 2023** pada bulan **Julai** ini bagi memastikan pekerja di negara ini mendapat perlindungan keselamatan sosial.
2. PERKESO melaksanakan **BULAN PEMUTIHAN** bermula dari **1 Mei 2023 hingga 30 Jun 2023** untuk memberi peluang dan ruang kepada para majikan supaya mendaftar secara sukarela. Sepanjang tempoh ini, majikan akan **DIKECUALIKAN daripada tindakan pengkompaunan, pendakwaan dan FCLB** walaupun telah melewati tempoh yang ditetapkan untuk mendaftar dan mencarum.
3. Ini merupakan **kali pertama** PERKESO melaksanakan **program pemutihan selama dua bulan** berbanding hanya sebulan sebelum ini. Tujuannya adalah untuk memberi kesempatan kepada majikan mendaftar dan mencarumkan pekerja yang digajikan untuk operasi perniagaan susulan perkembangan ekonomi pasca-pandemik COVID-19.
4. Justeru, **PERKESO menyeru semua majikan yang layak dan masih belum mendaftar dan mencarum supaya segera berbuat demikian secara sukarela**, sama ada menerusi dalam talian melalui **Portal ASSIST** atau hadir ke mana-mana **54 pejabat PERKESO** di seluruh negara, ataupun hubungi **Careline PERKESO** di **1-300-22-8000**.

5. Sekiranya majikan masih **GAGAL** berbuat demikian dalam tempoh pemutihan ini, **PERKESO tidak akan berkompromi dengan ketidakpatuhan majikan dan tiada lagi pengecualian daripada tindakan penguatkuasaan** akan dipertimbangkan kepada majikan terbabit.
6. **Susulan selepas bulan Pemutihan ini nanti dan atas dasar prihatin kesejahteraan golongan pekerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan melaksanakan OPS KESAN 2023 pada bulan Julai ini bagi memastikan pekerja di negara ini mendapat perlindungan keselamatan sosial.**
7. Ops Kesan **kali ke-14** ini bertujuan memastikan semua majikan yang menggajikan sekurang-kurangnya seorang pekerja (tanpa mengira jumlah gaji) mendaftarkan perusahaan dan pekerja mereka sebagaimana peruntukan **Seksyen 4 dan 5 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4), serta Seksyen 14 dan 16 Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800)**.
8. Rekod PERKESO menunjukkan sehingga **31 Mac 2023, hampir 1.15 juta majikan telah berdaftar dengan PERKESO di bawah Akta 4** namun jumlah yang **aktif mencarum**, iaitu sekurang-kurangnya satu caruman dalam tempoh 12 bulan adalah **573,390 majikan**. **Jumlah pekerja aktif** pula (sekurang-kurangnya satu caruman dalam tempoh 12 bulan) adalah seramai **9.31 juta orang**.
9. Manakala sejak **1 Januari 2019**, hanya **1.2 juta pekerja asing** atau **52 peratus daripada 2.3 juta pekerja asing** yang bekerja secara sah di negara ini, **aktif mencarum dengan PERKESO** di bawah perlindungan Akta 4.
10. Setakat ini, seramai **28,808 pekerja domestik** telah didaftarkan majikan dan mencarum sejak perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja domestik diperkenalkan pada **1 Jun 2021**.

11. Berdasarkan aduan dan maklumat yang diterima dari pekerja dan orang awam menerusi pelbagai saluran, PERKESO percaya masih ada majikan yang mengajikan pekerja **MASIH BELUM MENDAFTAR DAN MENCARUM**.
12. Kegagalan majikan untuk mendaftarkan perusahaan dan pekerja mereka merupakan satu kesalahan yang **boleh dikenakan tindakan pengkompaunan dan pendakwaan**, yang mana jumlah kompaun yang dikenakan boleh mencecah **RM5,000.00** mengikut kesalahan yang dilakukan.
13. Selain itu, majikan juga akan dikenakan **Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB)** pada kadar **enam (6) peratus setahun** di atas **setiap hari caruman lewat dibayar**, akibat kegagalan mendaftar dan membayar caruman PERKESO. Sekiranya majikan didakwa di mahkamah dan jika sabit kesalahan, mereka boleh dijatuhi hukuman **denda sehingga RM10,000.00 atau penjara sehingga dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali**.
14. **Sejak 2019 hingga 2022**, sebanyak **8,734 notis kompaun** telah dikeluarkan dengan nilai kutipan sebanyak **RM2.67 juta** kepada majikan yang gagal mendaftar perusahaan dan pekerja mereka. Dalam tempoh yang sama, **9,276** kes telah didakwa di bawah kedua-dua Akta 4 dan Akta 800 atas pelbagai kesalahan.
15. Ops Kesan yang akan dijalankan pada Julai hadapan akan mengenal pasti majikan yang gagal mendaftar dan mencarum dengan PERKESO bagi **memastikan setiap pekerja yang layak, mendapat perlindungan keselamatan sosial, demi kesejahteraan mereka sekiranya ditimpa sebarang musibah yang tidak dijangka**. Ini adalah selaras dengan kerangka **Malaysia MADANI** yang menekankan keterangkuman serta mengutamakan pembangunan yang mampan, sejahtera dan bersifat insan.

**DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN AZIZ MOHAMMED**

**KETUA EKSEKUTIF PERKESO**

**2 MEI 2023**